

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM RAI DUA PEMENANG UTAMA KEMPEN ‘NAK CUTI LE TUU...’

KUALA LUMPUR, Rabu, [29 Jun 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menyerahkan dua buah kereta Proton X50 kepada dua pemenang Kempen ‘Nak Cuti Le Tuu...’.

Kempen yang berlangsung dari 8 Januari sehingga 7 April 2022, bertujuan untuk menggalakkan budaya tanpa tunai dalam kalangan pelanggan Bank Islam dengan menggunakan perkhidmatan yang disediakan menerusi aplikasi GO by Bank Islam dan platform Perbankan Internet Bank Islam. Perkhidmatan-perkhidmatan terlibat termasuk DuitNow, JomPAY dan FPX.

Pelanggan Bank Islam juga boleh menyempurnakan urusan Tabung Haji mereka dengan mudah dan segera menerusi kedua-dua saluran digital Bank Islam termasuk pertanyaan baki, sejarah transaksi, menghubungkan akaun Tabung Haji dengan Kad Debit-i Bank Islam, pemindahan dana antara akaun Tabung Haji dan Bank Islam serta pendaftaran haji.

Pemenang Hadiah Utama Kempen ‘Nak Cuti Le Tuu...’, Puan Rozanna Purwanti Abdul Wahab berkata, dia tidak menyangka telah terpilih sebagai pemenang kempen tersebut memandangkan perkhidmatan dalam talian sentiasa menjadi pilihan kerana urusan perbankan yang lebih mudah dan cepat.

Sementara itu, Encik Muhammad Shahrul Hafiz pula berkata, “Saya kerap menggunakan aplikasi GO by Bank Islam untuk melakukan transaksi perbankan, khasnya pindahan dana ke akaun Tabung Haji untuk simpanan haji kelak. Perkhidmatan ini amat memudahkan saya.”

Penyampaian hadiah Kempen ‘Nak Cuti Le Tuu...’ telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bank Islam, Encik Mohammed Iran Moriff Mohd Shariff dan Puan Romina Talib, Pengarah eChannels Bank Islam pada satu majlis yang diadakan di Pusat Pameran Proton Subang Jaya, Subang Jaya, Selangor pada 20 Jun lalu.

Tamat

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:

MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my